



KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>
(Official Portal)

Ruj.Kami : JPT/GS1000-606 Jld.2(1)
Tarikh : 12 April 2017

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

**PEKELILING PENGURUSAN PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PPTS),
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
TINGGI BIL. 2/2017**

**PENGEMASKINIAN DASAR KERJASAMA KURSUS PENGAJIAN DI
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)**

TUJUAN

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) berkenaan pengemaskinian dasar kerjasama kursus pengajian di IPTS yang telah dikeluarkan oleh Kementerian ini rujukan KPT(JPS)100-4(4) bertarikh 30 November 2005 dan KPT(JPS)100-4/2(9) bertarikh 16 Oktober 2006.

LATAR BELAKANG

2. Penawaran kursus pengajian secara kerjasama di IPTS mula diperkenalkan pada era 90-an selaras dengan peruntukan seksyen 38, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Seksyen 38 Akta 555 menegaskan kelulusan Ketua Pendaftar hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum sesebuah IPTS boleh mengendalikan kursus

pengajian atau program latihan secara bersesama atau bergabung, bersekutu atau bekerjasama dengan mana-mana Universiti, Kolej Universiti, institusi pendidikan tinggi sama ada awam atau swasta atau badan profesional, di dalam atau di luar negara. Pemberian kelulusan di bawah seksyen 38 Akta 555 tertakluk sekiranya Ketua Pendaftar telah berpuas hati dengan kesesuaian persediaan berhubung dengan kemudahan, jaminan kualiti kursus pengajian atau program latihan serta tidak bertentangan dengan dasar negara, strategi dan garis panduan pendidikan tinggi sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 39 Akta 555.

3. Dasar Kerajaan membenarkan kolej swasta hanya menawarkan kursus pengajian mengguna pakai kurikulum secara hasilan sendiri (*homegrown*) di peringkat sijil dan diploma sahaja. Walau bagaimanapun, dasar kerjasama sedia ada membolehkan kolej swasta menawarkan kursus pengajian secara kerjasama di peringkat ijazah sarjana muda bagi membuka peluang dan ruang untuk akses kepada kursus pengajian serta program latihan daripada institusi di dalam atau luar negara yang berpengalaman, berkualiti dan diiktiraf. Amalan sedemikian dapat membantu dalam membangunkan kapasiti IPTS untuk menjalankan kursus pengajian bertaraf global di tahap yang lebih tinggi melalui pemindahan pengetahuan dan kemahiran. Pengalaman ini akan menggalakkan perkembangan institusi dan membina kematangan pengurusan kolej bagi menyediakan perkhidmatan pendidikan tinggi yang berkualiti, kebolehan berdaya saing di peringkat global serta mampu menarik minat pelajar antarabangsa.

4. Mengambil kira peluang dan potensi memperkembangkan pendidikan tinggi negara di peringkat global, Kementerian juga turut menggalakkan pengantarabangsaan. Justeru, mana-mana IPTS yang telah diperakui kualitinya digalakkan untuk mengeksport perkhidmatan dan kursus pengajian yang mana IPTS tersebut boleh memainkan peranan sebagai *franchisor* dalam sesuatu perjanjian. Usaha ini bukan sahaja membantu mempromosikan jenama tempatan malahan dapat meningkatkan kebolehsaingan IPTS dengan institusi dalam dan luar negara.

5. Kebelakangan ini banyak aduan dan permohonan diterima oleh Kementerian berhubung penawaran kursus pengajian secara kerjasama. Isu-isu seperti penganugerahan yang tidak menepati janji kerjasama, kualiti institusi kerjasama, akreditasi dan penamatan perjanjian kerjasama antara IPT *franchisor* dan IPT *franchisee* sering dibangkitkan. Justeru, kawal selia penawaran kursus kerjasama di dalam negara perlu dikemaskini, dipantau dan diperkuuhkan bagi memastikan kualiti penawaran kursus pengajian, kebajikan pelajar dan imej pendidikan tinggi negara ditingkatkan.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

6. Definisi Khas

Franchise:

Merupakan suatu aktiviti yang melibatkan penawaran hak kepada *franchisee* oleh *franchisor* untuk memasarkan produk atau perkhidmatan pendidikan melalui peraturan, garis panduan dan yuran royalti sebagaimana yang dipersetujui secara bersama oleh *franchisor* dan *franchisee*.

Franchisor:

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) atau agensi pemilik dan pengawal hak produk atau perkhidmatan pendidikan yang menawarkan franchise kepada *franchisee* yang berpotensi.

Franchisee:

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang menerima tawaran untuk memasarkan produk atau perkhidmatan daripada *franchisor*.

Kursus Pengajian Secara Kerjasama:

Kursus pengajian secara kerjasama merupakan produk kepada aktiviti franchise antara dua pihak yang berkepentingan.

7. Skop Dasar

Pekeliling ini mengandungi **dua (2)** bahagian dasar berkaitan penawaran kursus pengajian secara kerjasama yang akan diguna pakai oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu :

Bahagian 1 : Dasar Kerjasama Kursus Pengajian Dari Konteks IPTS Sebagai *Franchisee*; dan

Bahagian 2 : Dasar Kerjasama Kursus Pengajian Dari Konteks IPTS sebagai *Franchisor*.

Bahagian 1

DASAR KERJASAMA KURSUS PENGAJIAN DARI KONTEKS IPTS SEBAGAI *FRANCHISEE*

1.1 Definisi Operasi

Pengendalian kursus pengajian secara kerjasama antara IPTS bertaraf kolej yang bertindak sebagai *franchisee* dengan institusi atau agensi induk (*franchisor*) dari dalam atau luar negara yang mana kursus pengajian kerjasama diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kepada *franchisee* dan ditawarkan di dalam negara.

1.2 Syarat Pelaksanaan

Penawaran kursus pengajian secara kerjasama oleh *franchisee* mesti memenuhi semua syarat-syarat yang berikut :

1.2.1 Syarat Institusi :

- I. Kerjasama adalah dibenarkan dengan **enam (6)** kategori *franchisor* berikut :
 - i. Kerjasama dengan IPT luar negara berstatus universiti yang mempunyai ranking antarabangsa pada kedudukan 5% teratas dalam senarai kualiti akademik berkaitan atau badan yang menandatangani *comparability* dengan MQA dan mendapat pengiktirafan daripada badan berkuasa atau kerajaan negara tersebut serta perakuan akreditasi daripada badan berkuasa atau badan jaminan kualiti berkaitan.
 - ii. Kerjasama dengan Universiti Awam (UA) yang mendapat minimum *Tier 4* dalam penarafan SETARA atau D'SETARA (dalam bidang berkaitan)

atau pengiktirafan yang setara dengannya berdasarkan sistem penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuatkuasa semasa permohonan.

- iii. Kerjasama dengan Politeknik Premier yang mendapat minimum Tier 4 dalam penarafan PolyRATE berdasarkan sistem penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuatkuasa semasa permohonan.
- iv. Kerjasama dengan IPTS bertaraf Universiti atau Kolej Universiti yang mendapat minimum Tier 4 dalam sistem penilaian dan penarafan SETARA atau D'SETARA (dalam bidang berkaitan) atau pengiktirafan yang setara dengannya berdasarkan sistem penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuatkuasa semasa permohonan.
- v. Kerjasama dengan institusi/ badan persijilan dalam dan luar negara.
- vi. Kerjasama dengan IPTS bertaraf kolej yang mendapat minimum 5 Bintang dalam penarafan MyQUEST berdasarkan sistem penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuat kuasa semasa permohonan serta terhad kepada kursus pengajian *homegrown* kolej tersebut.

1.2.2 Syarat Kursus Pengajian :

- II. Tahap kursus pengajian berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) yang dibenarkan untuk ditawarkan secara kerjasama adalah:
 - a. Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6 KKM)
 - b. Diploma Lanjutan (Tahap 5 KKM)
 - c. Diploma (Tahap 4 KKM)
 - d. Sijil (Tahap 3 KKM)

- III. Penganugerahan sijil akademik adalah dikeluarkan oleh *franchisor*.
- IV. Hanya kursus pengajian yang ditawarkan di *franchisor* dan telah mendapat akreditasi dari badan pengawal standard di negara asal dibenarkan menjadi kursus pengajian secara kerjasama.
- V. Syarat kelayakan masuk bagi kursus pengajian secara kerjasama adalah **sama atau setara** dengan syarat kelayakan masuk kursus pengajian tersebut di IPT *franchisor* **serta/dan** mematuhi standard yang ditetapkan MQA.
- VI. Kursus pengajian secara kerjasama perlu mematuhi Standard Program yang ditetapkan oleh MQA serta mematuhi keperluan MQF.
- VII. Kursus pengajian secara kerjasama **perlu** mendapatkan perakuan akreditasi daripada MQA.
- VIII. Syarat-syarat lain yang dikenakan oleh badan profesional tempatan hendaklah dipatuhi sekiranya kursus pengajian melibatkan kelulusan dan kawal selia badan profesional.
- IX. *Franchisee* perlu menyediakan kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran dengan kualiti yang setara seperti disediakan di IPT *franchisor* serta mematuhi standard yang ditetapkan oleh MQA.
- X. *Franchisee* perlu menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi dan berkelayakan dengan kualiti yang setara seperti disediakan di IPT *franchisor* serta mematuhi standard yang ditetapkan oleh MQA.

- XI. Dokumen penilaian validasi program asal yang hendak dijadikan kursus pengajian secara kerjasama perlu disertakan oleh *franchisee* semasa mengemukakan permohonan kepada MQA.
- XII. Kursus pengajian secara kerjasama digalakkan dari bidang-bidang baharu atau bidang yang *market driven* berdasarkan senarai bidang NKEA yang ditetapkan oleh kerajaan semasa permohonan dikemukakan.

1.2.3 Syarat Pengurusan :

- XIII. Setiap *franchisee* terhad menjalankan kursus pengajian secara kerjasama sehingga maksimum 50% daripada keseluruhan kursus pengajian akademik yang ditawarkan di institusi.
- XIV. *Franchisee* hendaklah mempunyai kemampuan kewangan yang kukuh dan lestari bagi membolehkan perjanjian kerjasama berterusan untuk jangka masa yang panjang.
- XV. Tempoh minimum perjanjian kerjasama antara *franchisee* dengan *franchisor* adalah selama **tujuh (7) tahun** atau sehingga kohort terakhir pelajar bergraduat.
- XVI. *Franchisee* adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Ketua Pendaftar secara bertulis berkaitan penamatan perjanjian kerjasama sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** sebelum tamat tempoh perjanjian atau sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** sebelum kohort terakhir pelajar bergraduat.
- XVII. Komponen ‘exit strategy’ dalam *Memorandum of Agreement* (MoA) perlu menyatakan polisi ‘teach out’ dengan jelas. *Franchisee* dan *franchisor* bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan dan

hak pelajar sekiranya perjanjian ditamatkan sebelum tamat tempoh.

(Polisi ‘teach out’ merupakan polisi di mana *franchisee* dan *franchisor* perlu menyelesaikan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) sehingga semua pelajar bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan).

- XVIII. Satu (1) salinan *Memorandum of Agreement* (MoA) hendaklah dikemukakan kepada Kementerian dan MQA semasa permohonan pengendalian kursus pengajian secara kerjasama dikemukakan.
- XIX. Penawaran kursus pengajian secara kerjasama perlu mematuhi semua keperluan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan Akta Agensi Kelayakan Malaysia (Akta 679).
- XX. Semua syarat dalam dasar, garis panduan dan pekeliling penawaran kursus pengajian secara kerjasama perlu dibaca bersekali dengan surat kelulusan pengendalian kursus pengajian yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.

1.3 Pelaksanaan

Pemakaian pekeliling ini dikuatkuasakan kepada kelulusan kursus pengajian secara kerjasama baharu dan semua kursus pengajian secara kerjasama yang telah diluluskan perlu ditamatkan pada tarikh tamat tempoh perjanjian kerjasama atau dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh penguatkuasaan dasar ini, mengikut mana-mana yang terdahulu.

Ketua Pendaftar boleh menetapkan syarat tambahan bagi kursus pengajian secara kerjasama sedia ada atau baharu secara kes demi kes.

Bahagian 2

DASAR KERJASAMA KURSUS PENGAJIAN DARI KONTEKS IPTS SEBAGAI *FRANCHISOR*

2.1 Definisi Operasi

Kerjasama antara IPTS bertaraf universiti/ kolej universiti/ kolej yang bertindak sebagai *franchisor* dengan IPT lain (*franchisee*) yang mana kursus pengajian kerjasama diluluskan dan ditawarkan oleh *franchisee*.

2.2 Kriteria dan Syarat Pelaksanaan

Kerjasama kursus pengajian antara *franchisor* dengan *franchisee* tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :

- I. *Franchisor* bertaraf universiti atau kolej universiti perlu mendapat minimum *Tier 4* dalam penarafan SETARA atau D'SETARA dalam bidang berkaitan merujuk keputusan penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuat kuasa.
 - II. *Franchisor* bertaraf Kolej perlu mendapat minimum 5 Bintang dalam sistem penilaian dan penarafan MyQUEST berdasarkan keputusan Penarafan Berasaskan Kolej atau Penarafan Berasaskan Kluster bagi bidang berkaitan merujuk keputusan penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuat kuasa.
 - III. Kursus pengajian yang dijadikan kursus pengajian secara kerjasama telah memperoleh Perakuan Akreditasi penuh daripada MQA dan sekurang-kurangnya tiga (3) kohort pelajar telah bergraduat.
 - IV. Perakuan Pendaftaran *franchisor* dan kelulusan pengendalian kursus pengajian asal masih dalam tempoh

sah laku **semasa dan sepanjang** perjanjian kerjasama dibuat.

- V. *Franchisor bertanggungjawab memaklumkan kepada Ketua Pendaftar berkaitan maklumat pengendalian kursus pengajian secara kerjasama yang dijalankan dengan franchisee selain IPTS dan sesalinan laporan pengesahan (*validation report*) berhubung pelaksanaan kursus pengajian secara kerjasama yang dijalankan di IPT franchisee perlu diserahkan kepada pihak MQA.*
- VI. Lain-lain syarat adalah tertakluk sepenuhnya kepada dasar dan polisi agensi atau badan pengawal IPT franchisee.

2.3 Pelaksanaan

Pemakaian pekeliling ini dikuatkuasakan kepada kelulusan kursus pengajian secara kerjasama baharu dan semua kursus pengajian secara kerjasama yang telah diluluskan perlu **ditamatkan pada tarikh tamat tempoh perjanjian kerjasama atau dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh penguatkuasaan dasar ini, mengikut mana-mana yang terdahulu.**

Ketua Pendaftar boleh menetapkan syarat tambahan bagi kursus pengajian secara kerjasama sedia ada atau baharu secara kes demi kes.

KUAT KUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **01 Mei 2017**.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, maka surat-surat pekeliling berhubung kursus kerjasama rujukan KPT(JPS)100-4(4) bertarikh 30 November 2005 dan KPT(JPS)100-4/2(9) bertarikh 16 Oktober 2006 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH TAPSIR)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

Tarikh : 12 April 2017